



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **“BAJET 2022 : KELUARGA MALAYSIA, MAKMUR SEJAHTERA”- MESRA WANITA DAN KUMPULAN SASAR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas Bajet 2022 dengan tema “Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera” yang ternyata memelihara kesejahteraan rakyat dan negara khususnya kumpulan sasaran di bawah KPWKM.

Berdasarkan pengumuman Bajet 2022, KPWKM menerima peruntukan sebanyak RM2.682 bilion dengan peningkatan sebanyak 4.56% berbanding tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, KPWKM menerima peruntukan Perbelanjaan Mengurus sejumlah RM2.506 bilion manakala peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan adalah sejumlah RM175 juta.

Peruntukan Bajet 2022 akan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran utama KPWKM yang merupakan golongan rentan yang terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, wanita, pengusaha taska, golongan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berasaskan kebajikan untuk berdepan cabaran yang mendatang dan meneruskan aktiviti/kehidupan—dalam sama-sama menyumbang ke arah agenda pembangunan negara.

Saya menyambut baik peruntukan-peruntukan mesra wanita yang diumumkan di dalam Bajet 2022 pada kali ini. Lebih ramai wanita yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuk ibu tunggal dan wanita muda akan dibantu daripada aspek penjana pendapatan, meningkatkan penglibatan dalam kepimpinan, jaminan kesejahteraan dan kesihatan serta perlindungan dalam merealisasikan agenda negara membangunkan wanita.

Kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif baharu di dalam pembentangan Bajet 2022 seperti mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi syarikat senaraian awam (*public listed*) untuk meningkatkan penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Menerusi inisiatif Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang diumumkan di dalam pembentangan Bajet 2022, Kerajaan akan memberikan bantuan tambahan tunai kepada keluarga-keluarga di Malaysia yang akan memanfaatkan lebih ramai isi rumah dengan syarat kelayakan yang telah ditambah baik. Bantuan ini dapat menjamin kelangsungan hidup dan sedikit sebanyak meringankan beban isi rumah dalam menyediakan keperluan asas masing-masing terutamanya di dalam era pandemik ini.

Kementerian ini juga menyambut baik penambahbaikan syarat kelayakan bantuan kebajikan di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang akan menggunakan Paras Garis Kemiskinan (PGK) Makanan 2019 iaitu RM1,169 berbanding PGK 2016 iaitu RM980 yang digunakan sebelum ini. Dengan penambahbaikan tersebut, lebih ramai rakyat yang layak dan memerlukan akan menikmati faedah bantuan kebajikan di bawah JKM dengan peruntukan tambahan sejumlah RM200 juta. Secara keseluruhan, RM2.4 bilion akan disediakan bagi penyaluran bantuan kebajikan untuk manfaat lebih 440,000 isi rumah di seluruh negara pada tahun 2022 berbanding sejumlah 424,000 unjuran penerima bantuan sedia ada bagi tahun ini mengambil kira kesan pandemik COVID-19 terhadap punca pendapatan rakyat. KPWKM komited bagi menguruskan bantuan kebajikan mengikut syarat kelayakan baharu yang akan berkuatkuasa pada Tahun 2022 ini.

KPWKM juga menyambut baik usaha Kerajaan dalam memastikan kebajikan golongan OKU dalam Bajet kali ini. Peruntukan khusus sejumlah RM30 juta disediakan bagi menaik taraf infrastruktur bangunan Kerajaan supaya mesra OKU. Peruntukan ini juga akan dimanfaatkan untuk menyediakan lebih banyak laluan khas bagi kegunaan golongan OKU penglihatan.

Kerajaan turut memperuntukkan RM10 juta untuk Pusat Latihan Berdikari atau *Independent Living Centre (ILC)* serta Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Kerajaan bagi melaksanakan program latihan dan bimbingan khusus kepada golongan OKU. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan kuota khas sebanyak 1 peratus kepada golongan OKU untuk pelantikan pegawai-pegawai kontrak di bawah *Malaysia Short Term Employment Program (MySTEP)*.

Bajet 2022 kali ini juga mesra keluarga kerana meneruskan penyediaan peruntukan RM30 juta bagi penubuhan TASKA di bangunan-bangunan Kerajaan khususnya hospital dan universiti awam dan swasta. Garis panduan sedia ada juga akan dipinda bagi membenarkan TASKA beroperasi di tingkat melebihi aras 1 bangunan pejabat bagi menggalakkan pewujudan TASKA di kedua-dua sektor awam dan swasta di samping insentif cukai yang juga akan diteruskan.

Selain itu, saya turut menyambut baik peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan khusus untuk memperkasakan Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Bahagian ini sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi di bawah KPWKM dan pemerksaan Bahagian D11 ini akan terus memberi manfaat yang signifikan di dalam penambahbaikan pengurusan kes-kes jenayah melibatkan wanita dan kanak-kanak di negara kita.

Bajet 2022 turut mengambil kira faktor kependudukan di Malaysia dimana kita akan menjadi negara menua menjelang tahun 2030. Sebagai persediaan awal, peruntukan sejumlah lebih RM635 juta disediakan untuk bantuan kebajikan, institusi

penjagaan dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang boleh dimanfaatkan oleh Warga Emas di seluruh negara.

Saya juga menzahirkan penghargaan dan terima kasih atas pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan yang dimainkan oleh Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 dan Pembantu Perawatan Kebajikan Gred U11 dan U14 yang merupakan petugas di institusi dan pusat jagaan bagi Warga Emas, OKU dan pesakit mental dengan penyediaan peruntukan bagi pemberian insentif sejumlah RM200.

Sekali lagi saya mengulangi komitmen tinggi KPWKM dalam melaksanakan setiap inisiatif yang telah dirancang untuk menjamin kesejahteraan dan kebajikan kumpulan sasar khususnya yang dinyatakan di dalam pembentangan Bajet 2022 ini. Semua golongan masyarakat tidak kira latar belakang seharusnya menyambut dan menyokong Bajet 2022 dengan terbuka dan kerjasama semua pihak khususnya penerima manfaat diperlukan dalam memastikan setiap peruntukan yang dibelanjakan benar-benar membawa pulangan yang diharapkan. Semoga semua kumpulan sasar KPWKM dapat menikmati manfaat daripada Bajet 2022 yang menjamin kelangsungan hidup dan kebajikan semua dalam-meningkatkan produktiviti bagi meneruskan agenda pembangunan negara selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia Makmur Sejahtera.

**YB DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PUTRAJAYA**

**30 OKTOBER 2021**